



TEKS UCAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR HAJI MOHD NA'IM BIN MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

SEMPENA

**MAJLIS PELEPASAN MISI BANTUAN BANJIR SKUAD MUSAÁDAH
MADANI (SMM) AGENSI DI BAWAH YB. MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

9 MAC 2023 / 9.00 PAGI

PERKARANGAN KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis,

YBrs. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff

Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

YBrs. Dr Sani Araby bin Dato' Abdul Alim Araby,

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia
(MAPIM)

Ketua-Ketua Agensi Di Bawah YB. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

Rakan- rakan media seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah.

[ALUAN]

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menyempurnakan Majlis

Pelepasan Misi Bantuan Banjir Skwad Musaádah Madani Agensi Di Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk misi bantuan banjir ke negeri yang sedang dilanda banjir iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Mudah-mudahan majlis ini menjadi majlis yang diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT.

2. Kesempatan ini suka saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada JAKIM selaku urus setia program dan seluruh agensi hal ehwal Islam yang telah memberikan komitmen penuh dalam memastikan program pada pagi ini dapat direalisasikan.

3. Firman Allah SWT dalam Surah Al Maidah, pada potongan ayat 2:

.....وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ۝

Bermaksud:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Hadirin sekalian.

[KESATUAN DALAM KERJA KEBAJIKAN]

4. Ayat yang saya bacakan di atas merupakan ayat yang penting untuk dihayati sebagai satu batu asas bagi menggerakkan Skwad Musa'adah Madani Agensi Agama bagi membantu mangsa banjir yang melanda seluruh negara khususnya di Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak yang teruk sedang dilanda banjir.

5. Atas dasar di atas saya telah meminta semua agensi di bawah saya untuk terus mengambil tindakan pantas menyantuni mangsa-mangsa banjir yang terjejas demi memberikan gambaran bahawa kita sentiasa menyantuni mangsa yang dilanda musibah dengan prinsip rahmah yang dilaungkan oleh YAB Perdana Menteri.

6. Untuk itu agensi di bawah saya telah memperuntukkan peruntukan sebanyak **RM 2,107,400.00** untuk membantu masyarakat yang terkesan akibat banjir ini. Pecahan sumbangan mengikut agensi adalah seperti berikut:

Bil	Agensi	Jumlah Sumbangan
1.	Tabung Musaadah (yang diuruskan oleh JAKIM dan Yayasan Waqaf Malaysia)	RM500,000.00
2.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	RM1,000,000.00
3.	Tabung Haji	RM200,000.00
4.	JAWI	RM25,000.00

5.	Yayasan Waqaf Malaysia	RM50,000.00
6.	YADIM	RM50,000.00
7.	Yayasan Taqwa MAIWP	RM200,000.00
8.	YaPEIM	RM162,400.00
9.	Masjid Putra	RM20,000.00
	JUMLAH	RM2,207,400.00

7. Sehingga kini beberapa agensi telah menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir antaranya YaPEIM dan YADIM yang mempunyai kemudahan untuk akses di setiap lokasi banjir.

8. Insyaallah pada pagi ini, saya telah dimaklumkan oleh Datuk Hajjah Hakimah Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM, terdapat 15 buah kenderaan Agensi termasuk dua(2) buah bas MAPIM yang akan turun bersama dengan membawa barangan keperluan asas seperti makanan kering, beras, selimut/toto, kit solat dan sebagainya untuk diagihkan kepada mangsa banjir di negeri terlibat.

9. Untuk pagi ini juga saya berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan cek cura kepada Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) yang akan menggerakkan misi bantuan ini di negeri-negeri. Sumbangan kepada MAPIM merupakan sebagai penghargaan dan ucapan terima kasih Agensi Agama kepada NGO ini yang memberikan komitmen jitu dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir. Saya

difahami sehingga kini pihak MAPIM telah turun di enam (6) lokasi. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

YBhg. Datuk/Dato', tuan-tuan/puan-puan yang saya kasihi sekalian.

9. Saya amat mengharapkan agar program seumpama ini dapat memberikan impak positif dalam menyahut hasrat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan rakyat Malaysia yang bersatu padu di bawah slogan Malaysia Madani yang saling memerlukan dan saling bantu membantu antara satu sama lain dan seterusnya mewujudkan sebuah negara rahmah yang penuh berkasih sayang dan harmoni dikala saat genting seumpama ini.

10. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, kita sama-sama berdoa dan menyempurnakan **Majlis Pelepasan Misi Bantuan Banjir Skwad Musa'adah Madani Agensi Di Bawah YB. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)** pada kali ini.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.